

TERMA DAN SYARAT

"KEMPEN AGROCASH-*i* GETAWAY"

1. DEFINISI

"Bank"	Merujuk kepada Bank Pertanian Malaysia Berhad (811810-U) yang mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 3, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur
"Kempen"	Merujuk kepada Kempen "AgroCash- <i>i</i> Getaway";
"Cabutan"	Merujuk kepada proses cabutan yang akan dilakukan oleh pihak Bank bagi tujuan pemilihan pemenang bagi kempen ini;
"Jawatankuasa Pemilihan"	Merujuk kepada jawatankuasa yang dilantik oleh pihak Bank bagi menilai proses pemilihan dan pengesahan Pemenang bagi Kempen ini;
"Kakitangan"	Merujuk kepada kakitangan Bank;
"Kumpulan Produk"	Merujuk kepada beberapa kumpulan produk Bank (seperti mana diperincikan di bawah) yang perlu dilanggan oleh Pelanggan bagi melayakkannya menyertai Kempen ini;
"Mata Penyertaan"	Merujuk kepada mata yang layak diterima oleh Pelanggan tertakluk kepada terma dan syarat Kempen yang dinyatakan di sini;
"Pelanggan"	Merujuk kepada pelanggan Bank yang melanggan Produk dan/atau Perkhidmatan;
"Pelanggan Baru"	Merujuk kepada Pelanggan yang baru yang melanggan sebarang produk dan/atau perkhidmatan Bank hanya selepas bermulanya Tempoh Kempen;
"Pelanggan Sedia Ada"	Merujuk kepada Pelanggan yang telah melanggan sebarang Produk dan/atau Perkhidmatan Bank sebelum Tempoh Kempen;
"Produk Sampingan"	Merujuk kepada Produk dan/atau Perkhidmatan yang ditawarkan sepanjang Tempoh Kempen yang melayakkan Pelanggan mendapat Mata Penyertaan bagi setiap langganan dibuat;
"Pemenang"	Merujuk kepada Pelanggan yang telah dikenalpasti untuk memenangi hadiah Kempen berdasarkan proses Cabutan yang dilakukan oleh pihak Bank;
"Pemenang"	Merujuk kepada Pemenang yang dikenalpasti semasa proses

Simpanan"	Cabutan dilakukan dan akan disenaraikan sebagai pemenang simpanan. Pihak Bank berhak untuk memberikan hadiah kepada Pemenang Simpanan yang dikenalpasti sekiranya Pemenang menjadi tidak layak untuk menerima hadiah atas apa jua sebab yang diputuskan oleh pihak Bank dan/atau Jawatankuasa Pemilihan;
"Pengenalan Diri"	Merujuk kepada dokumen rasmi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia bagi tujuan pengesahan pengenalan diri seperti Kad Pengenalan atau Pasport;
"Pihak Ketiga"	Merujuk kepada individu atau bukan individu;
"Prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat)"	Merujuk kepada prinsip pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang dengan dikaitkan atau disyaratkan berlakunya sesuatu perkara;
"Produk dan/atau Perkhidmatan	Merujuk kepada produk dan/atau Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank sepanjang Tempoh Kempen (sepertimana diperincikan di bawah) yang perlu dilanggan oleh Pelanggan bagi tujuan kelayakan Mata Penyertaan;

Tujuan Kempen ini adalah bagi menggalakkan Pelanggan untuk melanggan Produk dan/atau Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank sepanjang Tempoh Kempen ini.

2. TEMPOH KEMPEN

2.1 Kempen bermula dari 1 Oktober 2019 sehingga 31 Mac 2020

3. KONSEP SYARIAH

3.1 Konsep Syariah yang digunakan bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat).

3.2 Berdasarkan prinsip Hibah Mu'allaqah, pihak Bank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang berjaya memenuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank dan dikenalpasti oleh jawatankuasa Pemilihan sebagai Pemenang.

4. KELAYAKAN

4.1 Kelayakan umum

4.1.1 Kempen ini terbuka kepada Pelanggan Baru atau Pelanggan Sedia Ada Bank.

4.1.2 Kakitangan Bank tidak dibenarkan menyertai Kempen ini.

4.1.3 Kelayakan dari segi umur dan lain-lain perkara adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan bagi Produk dan /atau Perkhidmatan berkaitan.

4.2 Kelayakan bagi Cabutan **AgroCash-i Getaway**

4.2.1 Cabutan ini adalah terbuka bagi semua Pelanggan yang mengambil pembiayaan AgroCash-i dengan Bank sepanjang Tempoh Kempen.

4.2.2 Bagi Pelanggan Sedia Ada yang telah mengambil pembiayaan peribadi AgroCash-i, Pelanggan hanya akan layak untuk menyertai Kempen ini jika Pelanggan membuat pembiayaan bertindih sepanjang Tempoh Kempen sahaja.

4.2.3 Pelanggan yang layak hendaklah memohon kombinasi kesemua produk daripada kumpulan produk seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah;

No	Kumpulan	Produk
1	Pembiayaan peribadi	AgroCash-i
2	Deposit berjangka	AgroPrimaS
3	Pengurusan Harta	Takaful Kasih Plus Pelan 4/5/6 @ Penulisan Wasiat
4	Kad Debit	Kad Debit Agrobank
5	Perbankan Internet	AgroNet

Jadual 1

4.2.4 Bagi tujuan Cabutan, Pelanggan akan diberikan Mata Penyertaan berdasarkan nilai pembiayaan AgroCash-i yang telah ditetapkan oleh pihak Bank iaitu satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap pembiayaan di bawah RM 50,000.00 dan dua (2) Mata Penyertaan bagi setiap pembiayaan bermula RM 50,001.00 sehingga RM 200,000,00.

4.2.5 Bagi mengekalkan kelayakan Pelanggan bagi tujuan Cabutan, Pelanggan dikehendaki untuk mengekalkan nilai deposit minimum di dalam AgroPrimaS sekurang-kurangnya RM 500.00 bagi setiap pembiayaan di bawah RM 50,000.00 bagi melayakkan Pelanggan mendapat satu (1) Mata Penyertaan dan RM 1000.00 bagi setiap pembiayaan bermula RM 50,001.00 sehingga RM 200,000.00 bagi melayakkan Pelanggan mendapat dua (2) Mata Penyertaan sepanjang tempoh Kempen. Kegagalan untuk mengekalkan nilai deposit seperti yang telah ditetapkan akan menyebabkan kelayakan Pelanggan bagi Cabutan tersebut dibatalkan.

4.2.6 Pelanggan juga dikehendaki untuk melanggan Produk Tambahan berdasarkan Kumpulan Produk seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Bank. Pelanggan WAJIB melanggan semua produk tersebut bagi setiap segmen bagi melayakkan Pelanggan untuk cabutan yang dimaksudkan. Kegagalan Pelanggan untuk mematuhi syarat untuk mengekalkan nilai deposit minimum sehingga dan 31 Mac 2020 dan melanggan Produk Tambahan

yang ditetapkan mengikut Kumpulan Produk akan menyebabkan Pelanggan tidak layak untuk menyertai Cabutan ini.

4.2.7 Kumpulan Produk dan Produk Tambahan boleh dirujuk kepada Jadual 2 seperti di bawah:

Kumpulan	Produk
Pembiayaan peribadi	AgroCash- <i>i</i> (Produk Wajib)
Deposit berjangka	Pelanggan perlu mengekalkan deposit minimum RM 500.00 sepanjang Tempoh kempen
Pengurusan harta	Pelanggan perlu melanggan produk Penulisan Wasiat ; atau melanggan produk Takaful Kasih Plus Pelan 4/Pelan5/Pelan 6
Kad debit	Pelanggan perlu mendapatkan Kad Debit Agrobank
Perbankan internet	Pelanggan perlu mendaftarkan Perkhidmatan Perbankan Internet (AgroNet)

Jadual 2

4.3 Kelayakan Pelanggan bagi jumlah Mata Penyertaan bagi tujuan Cabutan dapat digambarkan seperti berikut:-

Senario	AgroCash-<i>i</i>	Pengurusan Harta	AgroPrimaS	Kad Debit	AgroNet	Mata Penyertaan
Pelanggan 1	AgroCash- <i>i</i> RM 45,000	TKP Plan 4	RM500.00	Melanggan	Mendaftar	1
Pelanggan 2	AgroCash- <i>i</i> RM 70,000	Penulisan Wasiat	RM1,000.00	Melanggan	Mendaftar	2
Pelanggan 3	AgroCash- <i>i</i> RM 30,000	TKP Plan 5	RM1,000.00	Melanggan	Mendaftar	1
Pelanggan 4	AgroCash- <i>i</i> RM 120,000	Penulisan Wasiat	RM500.00	Melanggan	Mendaftar	1

5. Pemilihan dan Makluman Pemenang

5.1 Semua Pelanggan WAJIB untuk mematuhi semua kriteria yang telah ditetapkan oleh Bank bagi Cabutan bagi melayakkan mereka menyertai Cabutan tersebut. Kegagalan untuk mematuhi mana-mana kriteria akan menyebabkan Pelanggan hilang kelayakan bagi menyertai Cabutan yang dimaksudkan.

5.2 Kaedah Cabutan adalah menggunakan sistem Cabutan elektronik oleh pihak Bank yang akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemilihan yang dilantik oleh pihak Bank. Sebarang keputusan hasil

daripada Cabutan yang dilakukan adalah muktamad. Sebarang rayuan, protes atau inkuiri daripada Pelanggan adalah tidak dibenarkan.

- 5.3 Keputusan Cabutan yang telah dilakukan oleh pihak Bank akan dimaklumkan melalui saluran Laman Web rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my . Bagi Pelanggan yang telah dikenalpasti sebagai Pemenang, Pelanggan akan dihubungi oleh pihak Bank oleh pegawai Bank menggunakan maklumat diri yang telah diberikan kepada pihak Bank. Kegagalan pihak Bank untuk menghubungi pemenang disebabkan kesalahan maklumat diri yang dibekalkan akan menyebabkan hadiah yang dimenangi Pelanggan diberikan kepada Pemenang Simpanan.
- 5.4 Bank berhak untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama Pemenang, gambar Pemenang dan juga maklumat berkaitan Pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang kos atau pampasan kepada Pelanggan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Pelanggan boleh melayari laman web rasmi Bank di www.agrobank.com.my untuk makluman berkenaan notis PDPA Bank secara terperinci.

6. Hadiah kempen dan Tuntutan Hadiah

- 6.1 Terdapat 10 hadiah akan diberikan kepada semua Pemenang untuk Kempen ini seperti berikut:

Pemenang	Hadiah	Jumlah Pemenang
Tempat Pertama	Baucar Umrah/Percutian	3 Pemenang
Tempat Kedua	Telefon Pintar Samsung Galaxy S10	2 Pemenang
Tempat Ketiga	Barang Kemas Habib Jewels bernilai RM 500.00	5 Pemenang

- 6.2 Hadiah yang dimenangi oleh Pemenang tidak boleh dipindah milik kepada Pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dari segi spesifikasi hadiah seperti yang telah ditetapkan oleh Pihak Bank. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti yang telah dimaklumkan kepada Pelanggan dan pihak Bank berhak untuk mengubah atau menukar hadiah yang ditawarkan kepada produk, model, jenama atau spesifikasi yang lain berdasarkan nilai hadiah yang ditawarkan melalui notis atau makluman rasmi dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja sebelum perubahan tersebut berkuatkuasa.
- 6.3 Pemenang perlu membuat tuntutan hadiah kepada pihak Bank dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja bermula dari tarikh Pelanggan dihubungi oleh pihak Bank. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan Pemenang hilang kelayakan untuk membuat tuntutan ke atas hadiah yang dimenangi.
- 6.4 Bagi tujuan tuntutan hadiah, Pemenang hendaklah mengemukakan Pengenalan Diri bagi tujuan semakan dan pengesahan di pihak Bank dan menandatangani borang tuntutan hadiah yang disediakan oleh pihak Bank.

7. Peruntukan Umum

- 7.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan adalah dengan ini akur telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank melibatkan Kempen ini. Pelanggan juga dengan ini memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedahkan atau berkongsi maklumat diri Pelanggan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menganjurkan atau mempromosikan kempen ini.
- 7.2 Sebarang fi dan caj yang terlibat adalah bergantung kepada Produk dan Perkhidmatan yang dilanggan oleh Pelanggan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fi dan caj yang terlibat di cawangan-cawangan Bank yang berhampiran dengan Pelanggan.
- 7.3 Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank berhubung Kempen ini adalah muktamad. Pihak Bank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Bank.
- 7.4 Pihak Bank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah sebarang terma dan syarat mengenai Kempen ini dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari bekerja sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan berkuatkuasa. Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dilakukan oleh pihak Bank, Pelanggan adalah tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan kepada pihak Bank atau menerima sebarang pampasan daripada pihak Bank bagi sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh Pelanggan.
- 7.5 Pembatalan, penggantungan atau sebarang perubahan kepada terma dan syarat Kempen akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui kaedah atau saluran yang dikenalpasti sesuai oleh pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada melalui pos, notifikasi di dalam media, notis di cawangan-cawangan Bank, secara transmisi elektronik, di Laman Web rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my atau di ATM atau sebarang terminal di bawah kawalan Bank.
- 7.6 Jika terdapat sebarang keraguan yang munasabah, kekaburan, kecelaruan atau pertikaian melibatkan Kempen ini dan juga sebarang material pemasaran yang digunakan dalam Kempen ini, rujukan utama akan dilakukan kepada Terma dan Syarat Kempen dalam Bahasa Inggeris.